

BIL		TARIKH	SURATKHABAR
1	KURSUS JANGKA PENDEK BANTU GRADUASI	9 MEI 2022	BERITA HARIAN
2	ATUR STRATEGI CIPTA PELUANG KERJA KETIKA DI IPT	12 MEI 2022	BERITA HARIAN
3	4 PELAJAR JADI MANGSA PENIPUAN TAWARAN KERJA	13 MEI 2022	BERITA HARIAN
4	AYZEK HAKIMI WAKILI MALAYSIA ACARA PETANQUE DI SUKAN SEA - 31	13 MEI 2022	BERNAMA
5	MEMBACA CETUS MINDA KRITIS HADAPI CABARAN HIDUP	17 MEI 2022	BERITA HARIAN
6	POLITEKNIK MERLIMAU LANCAR BUKU 10 TAHUN PENUBUHAN DIPLOMA PENGURUSAN ACARA	18 MEI 2022	UTUSAN MALAYSIA
7	PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA CERIAKAN MASJID DENGAN MURAL	22 MEI 2022	BERITA HARIAN
8	PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MAUT KEMALANGAN	23 MEI 2022	UTUSAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

9 MEI 2022

BERITA HARIAN | KURSUS JANGKA PENDEK BANTU GRADUASI |

Kursus jangka pendek bantu graduasi

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhpendidikan@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang mengusahakan satu fasa baharu pembelajaran fleksibel yang membolehkan penawaran kursus jangka pendek (micro-credentials) dapat diiktiraf untuk mendapat pemindahan kredit.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata inisiatif itu bakal membolehkan individu yang mengumpulkan sejumlah kursus micro-credentials, secara fleksibel memohon untuk bergraduasi setelah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh sebuah institusi pengajian tinggi (IPT).

"Saya juga melihat potensi besar usaha memperkembang kursus micro-credentials yang melangkaui manfaat ekosistem peningkatan kemahiran (upskil-

ling dan reskilling).

"Justeru, IPT boleh memanfaatkan kerjasama dengan industri untuk menghasilkan produk pendidikan yang membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan, menyokong edutourism dan menawarkan capaian pembelajaran dalam talian kepada pelajar di luar negara," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani memorandum persefahaman antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan lapan IPT untuk Program Rintis 'Stand-Alone Micro-Credentials (SAMC)' di kementeriannya, di sini, baru-baru ini.

Lapan IPT berkenaan ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Tunku Abdul Rahman



Noraini (bertudung merah) ketika menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan lapan IPT untuk Program Rintis 'Stand-Alone Micro-Credential (SAMC)', di kementeriannya, baru-baru ini.

(UTAR), Management and Science University (MSU) serta institusi di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Noraini berkata, usaha MQA membangunkan program rintis SAMC dapat menyokong inisiatif dibuat KPT dan kursus micro-credentials yang ditawarkan oleh IPT tempatan, khususnya

dalam aspek pengukuhan kualiti serta pengiktirafan.

Selain itu beliau berkata, dalam lawatan rasminya ke Delhi, India, baru-baru ini, penawaran kursus micro-credentials menjadi antara topik yang dibincangkan dengan rakan strategik di negara itu.

Tambahnya, ruang kerjasama yang terjalin akan menarik lebih

ramai pelajar dari negara itu untuk menyambung pengajian di Malaysia.

"Inisiatif ini diharap akan membantu melonjakkan usaha negara untuk menarik minat 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025, seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi global," katanya.

BERITA HARIAN

12 MEI 2022

BH | ATUR STRATEGI CIPTA PELUANG KERJA KETIKA DI IPT |

Atur strategi cipta peluang kerja ketika di IPT



Timbalan Dekan (Pembangunan Akademik dan Pengijazahan), Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Oleh Prof Dr Azlan Kamari
bhrencana@bh.com.my

Syawal kali ini membawa seribu erti kepada segenap lapisan masyarakat. Selepas dua tahun terhalang meraikan Aidilfitri, tahun ini suasana kembali normal walaupun tidak sepenuhnya.

Malah, ia bukan sekadar membawa bersama keriang dan kegembiraan, bahkan pelbagai peluang perniagaan menjana pendapatan termasuk kepada golongan muda.

Menjengah ke beberapa platform media sosial, ramai terbahag dengan perniagaan menjual pakaian dan biskut raya, selain mengambil tempahan juadah seperti ketupat, lemang dan rendang yang masih berjalan walaupun selepas Aidilfitri, selain menawarkan perkhidmatan menggubah bunga hiasan, solekan dan sesi fotografi.

Masing-masing mempunyai strategi pemasaran unik dan efektif untuk kekal bersaing secara sihat.

Pembabitan anak muda dalam perniagaan wajar dipuji dan dicontohi kerana ia menunjukkan golongan ini bijak mencipta peluang perniagaan bagi menjana pendapatan.

Dalam konteks pendidikan tinggi dan pelajar, ribuan mahasiswa menamatkan pengajian daripada

institusi pengajian tinggi (IPT) dan bergelar graduan, setiap tahun.

Di sebalik kegembiraan menamatkan pengajian, graduan juga dirundung keresahan dan dihimpit kebimbangan mengenai soal mencari pekerjaan.

Isu graduan menganggur atau gagal mendapat pekerjaan setaraf kelayakan adalah polemik berterusan di negara ini. Persaingan mendapatkan pekerjaan juga sangat kompetitif, lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19.

Pada November tahun lalu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaporkan kadar kebolehsasaran graduan pada 2020 adalah 84.4 peratus, menurun 1.8 peratus berbanding 86.2 peratus (2019).

Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2020 pula melaporkan menjelang 2025 mesin dan algoritma kecerdasan buatan (AI) akan menggantikan banyak sektor pekerjaan.

Sudah pasti perubahan ini dipacu ledakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), tetapi sejauh manakah bersedia bakal graduan untuk menghadapi cabaran getir ini?

Sedar atau tidak, kemahiran keusahawanan dan *interpersonal* turut diterapkan dalam pengajian mahasiswa di IPT. Antara lima kluster hasil pembelajaran seperti dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) adalah berkaitan keusahawanan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lantikan bagi mencapai aspirasi pelajar.

Lonjakan pertama adalah graduan holistik, mempunyai karakter keusahawanan dan seimbang dalam semua aspek.

Justeru, mahasiswa perlu mengambil peluang mengasah kemahiran dan bakat dalam bidang keusahawanan semasa berada di IPT sebagai bekalan berguna untuk kelangsungan hidup apabila menamatkan pengajian.

Perlu disedari, menyambung pengajian di IPT bukan lagi menjadi satu tiket untuk mudah mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian.

Sebaliknya, ia untuk menimba ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran agar tidak bergantung sepenuhnya kepada peluang pekerjaan.

Hakikatnya, graduan tidak lagi dilihat sebagai pencari pekerjaan semata-mata, tetapi sebenarnya golongan pencipta peluang pekerjaan.

Graduan perlu keluar daripada kepompong stereotaip, iaitu mesti mencari dan membina kerjaya dalam bidang pengkhususan pengajian, sebaliknya mereka wajar keluar daripada zon selesa dengan cabar potensi diri, berfikiran global dan memikirkan peluang untuk meneroka sumber pendapatan mampu mencipta pula pekerjaan.

BERITA HARIAN

13 MEI 2022

BH | 4 PELAJAR JADI MANGSA PENIPUAN TAWARAN KERJA |

Jumaat, 13 Mei 2022

4 pelajar jadi mangsa penipuan tawaran kerja

Kuantan: Polis menerima empat laporan penipuan menggunakan helah menawarkan kerja sambil dengan menyasarkan pelajar di negeri ini.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Deputi Superintendan Yap Huat Tian, berkata empat pelajar berusia 20 hingga 28 tahun membuat laporan polis mendakwa menjadi mangsa penipuan berkenaan membabitkan kerugian RM26,557.

Katanya, laporan polis dibuat pelajar dari daerah Kuantan, Temerloh, Bentong dan Rompin.

"Mangsa mendakwa menerima tawaran kerja sambil itu yang diiklankan melalui laman sosial Facebook, aplikasi Whatsapp dan Instagram.

"Mangsa mendakwa mereka dijanjikan keuntungan 20 peratus bagi setiap barang dibekalkan sindiket," katanya semalam.

Huat Tian berkata, bagi me-

nyakinkan mangsa terhadap keuntungan dijanjikan, pihak sindiket membuat bayaran seperti dijanjikan bagi tugas kali pertama dan kedua.

Katanya, bagi tugas kali ketiga dan seterusnya mangsa mendakwa tidak terima bayaran.

"Sindiket sebaliknya memberi pelbagai alasan ketika mangsa menuntut wang keuntungan mereka," katanya.

Mangsa mendakwa mereka dijanjikan keuntungan 20 peratus

Yap Huat Tian,
Pemangku
Ketua Jabatan
Siasatan Jenayah
Komersial Negeri



BERNAMA

13 MEI 2022

BERNAMA | AYZEK HAKIMI WAKILI MALAYSIA ACARA PETANQUE DI SUKAN SEA - 31 |



Pelajar Semester 1 Diploma Pemasaran Politeknik Merlimau (PMM), Ayzek Hakimi Safingan

MERLIMAU 13 Mei – Pelajar Semester 1 Diploma Pemasaran Politeknik Merlimau (PMM), Ayzek Hakimi Safingan mewakili Malaysia sebagai atlet petanque ke Sukan SEA 2021 edisi ke-31 yang bermula 12 hingga 23 Mei di Hanoi, Vietnam.

Ayzek Hakimi dipilih mewakili Malaysia bagi temasya sukan terbesar di Asia Tenggara itu selepas beberapa siri kejayaan yang beliau capai menerusi beberapa kejohanan sebelum ini.

Jadual pertandingan Ayzek dijadualkan berlangsung 18 dan 19 Mei ini dalam

temasya sukan itu.

“Ini kali pertama saya mewakili Malaysia untuk acara sukan yang besar, saya bersyukur telah terpilih sebagai atlet acara petanque bagi kategori Triple Lelaki.

“Pemilihan saya disebabkan ‘track record’ saya sebelum ini yang pernah merangkul pingat emas di Asian Petanque Championship (Shooting), emas berpasukan di Sukan Malaysia (SUKMA) 2018, emas di Kejohanan Petanque Angkasa Kebangsaan 2018 dan beberapa lagi kejohanan berprofil tinggi.

“Saya bersyukur pemilihan ini bukan

sahaja menjadi kebanggaan kepada PMM, malah dapat mengharumkan nama institusi ini ke peringkat lebih tinggi,” katanya yang merupakan anak jati Selangor.

Ayzek Hakimi merupakan anak ketiga daripada tujuh beradik yang mula terlibat dalam acara sukan petanque sejak 13 tahun lalu.

“Terima kasih kepada Pengarah PMM, Norizam Sekak dan Ketua Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan, Amir Awang Muda yang memberikan semangat kepada saya. Insya-Allah saya akan melakukan yang terbaik demi PMM, Negeri Melaka dan negara,” katanya.

Membaca cetus minda kritis hadapi cabaran hidup

Wafiqul Hasyam
Sahab,
JITM Kampus
Seremban

Sejak kecil kita sering mendengar mengenai faedah sikap rajin membaca. Ia bukan hanya membantu dalam pelajaran, tetapi juga meluaskan pengetahuan.

Justeru, ramai daripada kita meneruskan sikap suka membaca, walaupun tidak lagi bergelar pelajar, malah ia sememangnya langkah yang sangat baik. Membaca adalah tingkah laku yang memerlukan seseorang itu melihat simbol bertulis dan mendapatkan makna daripadanya.

Ketika membaca kita menggunakan mata untuk melihat simbol bertulis (huruf, tanda baca serta ruang), manakala otak pula menukarnya kepada perkataan, ayat dan perenggan yang selanjutnya menyampaikan makna kepada kita.

Kepentingan membaca tidak dapat disangkal kerana dengannya kita berupaya menambah pengetahuan yang seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Ia juga mampu memperkasakan anda sebagai manusia dan meningkatkan kualiti insaniah dalam diri. Menerusi pengalaman membaca, anda

juga berupaya meningkatkan keyakinan dan kebijaksanaan secara tidak disedari. Selain itu, membaca membentuk seseorang menjadi lebih empati serta berupaya untuk berfikir secara kritis mendepani sebarang cabaran yang mendatang dalam kehidupan seharian.

Jika anda memilih untuk membaca karya fiksi, ia akan menambahkan keseronokan dan keceriaan kerana kita turut berupaya merasai emosi yang dibangkitkan naskhah itu. Malah, fakta yang dimuatkan dalam sesebuah karya mampu menjadikan seseorang itu lebih kreatif.

Melalui membaca juga, sesebuah tamadun merekod segala penemuan dan pengetahuan yang seterusnya menjadi panduan serta rujukan juga kajian kepada umat zaman berzaman.

Bagi pusat pengajian tinggi pula, tabiat membaca perlu diperkemas lagi dengan pengajaran dan penyelidikan yang perlu dibuat secara holistik. Selain itu ia perlu dipadankan dan dirujuk dengan penemuan dan maklumat terkini.

Terdapat satu lagi faedah membaca. Dalam bi-

dang sains perpustakaan tabiat membaca sebenarnya membawa kesan positif kepada kesihatan. Ia menjadi satu kaedah terapi menghilangkan tekanan yang dikenali sebagai biblioterapi.

Biblioterapi ialah satu bentuk interaksi terapeutik menerusi bahan bacaan, sama ada fiksi dan puisi. Menurut kajian yang dibuat oleh Universiti Sussex pada 2009, aktiviti membaca dapat mengurangkan tekanan sehingga 68 peratus.

Kebaikan lain membaca kepada kesihatan adalah seperti dapat membantu menguatkan minda seseorang, mampu mengatasi masalah susah tidur di waktu malam khususnya kepada individu berusia 40 tahun dan ke atas.

Secara ringkasnya, galakan membaca perlu dilaksanakan kepada masyarakat sejak usia kanak-kanak sehingga dewasa. Sesungguhnya amalan membaca adalah aktiviti yang menguntungkan kepada semua orang. Agama juga menggalakkan setiap umat untuk membaca kerana setiap bacaan itu akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT.

UTUSAN MALAYSIA

18 MEI 2022

UTUSAN MALAYSIA | POLITEKNIK MERLIMAU LANCAR BUKU 10 TAHUN PENUBUHAN
DIPLOMA PENGURUSAN ACARA |

Politeknik Merlimau lancar buku 10 tahun penubuhan Diploma Pengurusan Acara

POLITEKNIK Merlimau, Melaka (PMM) menerusi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah melancarkan buku Dasawarsa Diploma Pengurusan Acara (DEV) bersempena penganjuran Gala Persona Dasawarsa DEV 'Menyemai Memori, Menuai Kenangan' yang berlangsung di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka.

Menurut Timbalan Pengarah (Akademik) PMM, Mohamad Kelana Juwit, program itu merupakan anjuran sepenuhnya oleh pelajar DEV semester 5 yang merupakan semester akhir pembelajaran mereka sebelum menjalani latihan industri.

"Alhamdulillah ini antara keunikan PMM iaitu menawarkan Diploma Pengurusan Acara yang secara tidak langsung memberi kelebihan buat PMM dalam aspek pengurusan acara.

"Dalam program ini, para pelajar ini yang dinamakan sebagai Lendtrust Event Management telah melancarkan buku 10 tahun penubuhan DEV di PMM yang telah ditubuhkan pada 2011 dengan jumlah pelajar DEV pada masa itu 18 orang serta bertambah pada setiap semester sehingga tahun ini sekali gus mewarnai bidang pekerjaan di Malaysia," katanya.

Seramai lebih 100 alumni DEV PMM menghadiri program itu yang turut diserikan dengan beberapa penyampaian anugerah seperti Anugerah Projek Terbaik yang dirangkul kumpulan pelajar terdahulu yang menganjurkan Melaka Balloon Run 2017.

■ MOHAMAD Kelana Juwit (dua dari kanan) ketika melancarkan buku 10 tahun penubuhan Diploma Pengurusan Acara di Melaka baru-baru ini.



BERITA HARIAN

22 MEI 2022

BH | PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA CERIAKAN MASJID DENGAN MURAL |

MELAKA: Pelajar Politeknik Merlimau Melaka (PMM) menceriaikan persekitaran Masjid As-Solihin Kampung Paya Rumput dengan enam lukisan mural corak islamik, arabesque kaligrafi dan simbolik seni bina Islam Melaka.

Aktiviti Jabatan Pengajian Am bersama Jabatan Kejuruteraan Awam menerusi program seni bina itu bagi menjayakan Program Polytechnic Social Responsibility (PSR) khusus bagi aktiviti mural di masjid terbabit.

Pengarah Program, Mohamad Faisal Ahmad berkata, PSR yang dilaksanakan berkenaan membabitkan enam mural yang mengaplikasikan inovasi "glow in the dark" dalam kesan warna mural ini iaitu kesan bersinar akan keluar ketika waktu malam.

Katanya, kesan cahaya neon pada waktu malam akan menjelaskan lagi keindahan pada corak islamik dan kaligrafi yang diaplikasikan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh

Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Teknologi negeri, Datuk Rais Yasin.

Rais berkata, enam mural yang dihasilkan menerusi pelbagai konsep islam itu amat menarik termasuk menerusi bentuk seni bina yang unik sekali gus menceriaikan kawasan masjid berkenaan.

"Antara mural yang dilukis membabitkan kubah masjid, kaabah, tulisan khat, istana Melaka dan pokok buluh yang unik dan menarik yang boleh menjadi pendorong kepada pelajar untuk terus menghasilkan kerja seni yang terbaik.

"Lebih enam masjid yang dihasilkan oleh pelajar PMM sebelum ini amat membanggakan kerana ia meningkatkan kemahiran mereka selain membuktikan hasil seni mereka berada tahap yang cemerlang untuk dipasarkan," katanya.

Ketua Jabatan Pengajian Am PMM, Mohd Faizal Mat Pesa berkata, pengorbanan pelajar amat dihargai termasuk mahasiswa tidur di masjid selama dua malam sementara mahasiswi di rumah penduduk dalam merealisasikan program berkenaan.

Beliau berkata, program PSR akan diteruskan pada masa akan datang dalam mendekati PMM kepada masyarakat dan menambah keyakinan dan kemahiran pelajar.



UTUSAN MALAYSIA

23 MEI 2022

UTUSAN | PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MAUT KEMALANGAN |

MAYAT mangsa dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) Seremban untuk proses bedah siasat.

SEREMBAN: Seorang pelajar Politeknik Merlimau, Melaka maut selepas terlibat dalam kemalangan di Kilometer 252 Lebuhraya Utara Selatan arah utara di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner [Nanda Maarof](#) berkata, dalam kejadian pada pukul 1.45 pagi itu, mangsa yang menunggang motosikal jenis Yamaha maut di tempat kejadian selepas mengalami

kecederaan parah di kepala dan badan.

“Hasil siasatan mendapati, kemalangan dipercayai berlaku semasa mangsa, Mohd. Naufal Amjad, 19, yang merupakan pelajar Politeknik Merlimau menunggang motosikal dalam perjalanan dari arah selatan menuju utara.

“Setakat ini, terdapat seorang saksi bebas yang mungkin dapat membantu siasatan lanjut bagi mengesan kenderaan lain yang terlibat,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, siasatan awal mendapati, bentuk jalan di

lokasi kemalangan adalah jalan lurus yang mempunyai tiga lorong sehalu dan tiada lampu jalan.

“Mangsa beralamat di Kampung Banggol Tok Jiring, Kuala Terengganu,” katanya. – [UTUSAN](#)

